PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia terus kukuh pada suku ketiga 2007 didorong oleh prestasi sektor perkhidmatan yang teguh

Ekonomi Malaysia terus kukuh pada suku ketiga 2007, dengan pertumbuhan KDNK benar meningkat kepada 6.7%, didorong terutamanya oleh aktiviti dalam sektor perkhidmatan yang kukuh. Pertumbuhan diperkukuh oleh aktiviti sektor pembinaan yang berterusan dan sektor pertanian dan perkilangan yang meningkat. Permintaan dalam negeri yang kukuh, pelancongan dan aktiviti perniagaan yang giat memberikan kesan positif terhadap sektor perkhidmatan manakala sektor pembinaan mengekalkan momentum pertumbuhannya yang disokong oleh pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Pertumbuhan sektor pertanian mencerminkan peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah, iaitu komoditi utama Malaysia, setelah mengalami kitaran hasil yang menurun, dan juga prestasi kukuh dalam aktiviti pertanian kecil tertentu. Pertumbuhan sektor perkilangan bertambah baik ekoran pemulihan beransur-ansur dalam industri elektronik dan elektrik (E&E), dan diperkukuh lagi oleh pengembangan industri berorientasikan dalam negeri. Sementara itu, sebuah telaga minyak baharu yang mula beroperasi pada suku ketiga telah menyumbang kepada pertumbuhan sektor perlombongan.

KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Tahun 2000[1]

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	5.8	5.1	2.2	-0.9	0.6
Perlombongan	0.1	2.1	-0.6	7.7	2.3
Perkilangan	7.2	4.0	2.0	1.5	3.4
Pembinaan	-0.4	0.6	4.0	4.8	4.7
Perkhidmatan	7.2	8.0	9.7	9.4	10.5
KDNK benar (Perubahan Tahunan)	**6.0**	**5.7**	**5.5**	**5.8**	**6.7**
KDNK benar (Perubahan Berbanding dengan Suku Sebelumnya)	**3.9**	**0.5**	**-1.7**	**3.0**	**4.8**

[1] KDNK telah ditukar daripada harga asas 1987 ke harga asas 2000

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan penggerak utama pertumbuhan

Sektor perkhidmatan mengembang dengan kukuh pada kadar pertumbuhan dua angka sebanyak 10.5% pada suku ketiga 2007. Pertumbuhan diterajui prestasi perkhidmatan pengantara yang memberangsangkan dan pertumbuhan perkhidmatan akhir yang lebih tinggi. Yang penting dua subsektor utama, iaitu kewangan dan insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, dan perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran, yang mencakupi lebih separuh daripada sektor perkhidmatan mencatat prestasi yang memberangsangkan pada suku tersebut.

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga tahun 2000)

	Bahagian 2006	2006		2007		
		S3	S4	S1	S2	S3
	%	Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**42.8**	**8.9**	**9.5**	**13.4**	**11.9**	**12.5**
Pengangkutan, penyimpanan & komunikasi	14.2	6.6	6.8	5.4	8.6	10.2
Pengangkutan & Penyimpanan	*7.0*	*5.7*	*6.7*	*5.5*	*9.3*	*13.4*
Komunikasi	*7.2*	*7.5*	*6.8*	*5.3*	*8.0*	*7.1*
Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan	28.6	10.0	10.8	17.6	13.6	13.7
Kewangan & Insurans	*19.8*	*9.1*	*8.8*	*13.2*	*11.0*	*8.8*
Harta tanah & Perkhidmatan Perniagaan	*8.8*	*12.0*	*15.6*	*27.3*	*19.5*	*24.4*
Perkhidmatan Akhir	**57.2**	**6.0**	**7.0**	**6.8**	**7.5**	**9.1**
Elektrik, gas & air	5.9	5.3	6.2	4.3	4.5	2.9
Perniagaan borong & runcit, penginapan dan restoran	26.6	6.1	6.4	8.9	11.6	14.4
Perniagaan Borong & Runcit	*22.3*	*6.1*	*6.0*	*9.1*	*11.9*	*14.9*
Penginapan & Restoran	*4.2*	*5.7*	*9.1*	*8.1*	*10.3*	*11.6*
Perkhidmatan Kerajaan	13.6	7.9	10.6	6.0	2.8	3.8
Perkhidmatan lain	11.1	4.2	4.5	4.2	5.4	6.0
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**7.2**	**8.0**	**9.7**	**9.4**	**10.5**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Peratusan pada akhir tempoh (%)				
Kadar penembusan telefon bimbit	81.6	72.3	77.0	78.2	80.8
Kadar penembusan pelanggan internet	14.0	14.0	14.0	14.2	14.3
Kadar penembusan pelanggan jalur lebar	2.8	3.3	3.7	4.1	4.5
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	107.5	110.9	124.1	115.9	117.5
Indeks Perdagangan Runcit MIER	95.0	99.2	118.8	129.5	145.9
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	129.2	127.2	133.8	131.6	131.1
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	18.0	14.9	12.8	7.1	6.9
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, restoran & hotel	10.9	12.0	10.1	0.0	6.2
Import barangan penggunaan	14.7	12.1	8.9	1.1	1.0
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-9.0	-24.8	-15.5	-7.2	2.2
Kargo laut yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	15.9	18.7	18.5	12.2	9.7

[a] Awalan

Sumber: Pelbagai Sumber

Segmen **kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatat pertumbuhan secara meluas. Segmen kewangan terus disokong oleh aktiviti pengantaraan perbankan dan sumbangan yang meningkat daripada aktiviti berasaskan fi yang baharu seperti penghantaran wang, dana unit amanah, khidmat nasihat dan perkhidmatan pengurusan kekayaan. Pertumbuhan segmen ini turut disokong oleh pengembangan pesat dalam kewangan Islam pada suku tersebut. Minat orang asing dan pemastautin dalam pasaran harta tanah menyumbang kepada peningkatan dalam aktiviti harta tanah, manakala segmen perkhidmatan perniagaan disokong oleh urus niaga yang kukuh dalam pasaran modal dan sumbangan daripada bidang-bidang pertumbuhan baharu seperti perkhidmatan teknologi maklumat (information technology, IT) dan perkhidmatan profesional. Pada akhir bulan September 2007, sebanyak 1,922 syarikat berkaitan IT diberikan status Koridor Raya Multimedia (akhir tahun 2006: 1,728 syarikat).

Perbelanjaan pengguna dalam negeri yang berterusan kukuh dan peningkatan dalam ketibaan pelancong pada cuti musim panas, menyokong pertumbuhan subsektor **perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran**. Prestasi yang memberangsangkan ini dicerminkan oleh penunjuk seperti kredit penggunaan, jualan kenderaan bermotor baharu dan ketibaan pelancong. Pendapatan boleh guna kakitangan awam yang meningkat berikutan semakan gaji dan juga Karnival Jualan Mega menyokong perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap barangan pengguna tahan lama.

Subsektor **pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi** juga mencatat pertumbuhan dua angka pada suku ketiga, diterajui oleh perolehan yang bertambah dalam segmen pengangkutan laut disebabkan aktiviti dalam sektor minyak dan gas yang lebih giat. Sementara itu, peningkatan dalam jumlah pelanggan dan penggunaan perkhidmatan mudah alih yang lebih tinggi susulan harga yang kompetitif dalam kalangan pembekal perkhidmatan telekomunikasi telah menyokong industri telekomunikasi.

Aktiviti sektor perkilangan meningkat

Nilai ditambah **sektor perkilangan** meningkat, mencerminkan pemulihan beransur-ansur dalam sektor elektronik dan elektrik dan pengembangan seterusnya dalam industri berorientasikan dalam negeri.

Pengeluaran **industri berorientasikan eksport** berkembang 1.4% pada suku ketiga (S2: -1.6%). Pertumbuhan disokong oleh pemulihan dalam sektor elektronik dan elektrik (2.2%; S2: -5.8%) ekoran peningkatan pengeluaran separa konduktor (5.1%; S2: -0.4%), terutamanya untuk memenuhi permintaan dari pasaran bukan AS, iaitu RR China dan Kesatuan Eropah. Selain itu, segmen komputer dan komponen yang berkait rapat dengan perkembangan dalam pasaran AS menunjukkan prestasi yang bertambah baik pada suku ketiga (0.2%; S1: -16.6%). Industri kimia dan keluaran kimia mencatat pertumbuhan yang

kecil disebabkan penyenggaraan loji industri gas perindustrian dan permintaan luaran yang semakin lemah terhadap keluaran plastik.

Pengeluaran **industri berorientasikan dalam negeri** terus meningkat (4.6%; S2: 8.6%), disokong terutamanya oleh keluaran besi dan keluli, keluaran konkrit dan simen, dan keluaran logam yang direka memandangkan industri-industri ini terus mendapat manfaat daripada aktiviti pembinaan dalam negeri yang bertambah giat. Sementara itu, industri kelengkapan pengangkutan pulih semula setelah mengalami kemerosotan bagi empat suku berturut-turut. Pemulihan ini adalah hasil daripada peningkatan jualan kenderaan bermotor baharu berikutan pelancaran model-model baharu.

Penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan tidak berubah pada 75% pada suku ketiga 2007, dengan industri berorientasikan eksport dan industri berorientasikan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 76% dan 72% (S2: masing-masing 76% dan 71%).

Penggunaan Kapasti dalam Sektor Perkilangan *



* Mulai tahun 2004, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2000 kepada nilai tambah tahun 2004

Prestasi Sektor Perkilangan

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**7.2**	**4.0**	**2.0**	**1.5**	**3.4**
Pengeluaran Keseluruhan	**7.1**	**5.3**	**0.7**	**0.4**	**2.0**
Industri berorientasikan eksport	**5.9**	**4.3**	**-0.2**	**-1.6**	**1.4**
Antaranya:					
Elektronik dan barangan elektrik	5.1	1.9	-5.5	-5.8	2.2
Elektronik	8.8	4.5	-4.0	-4.0	4.1
Barangan elektrik	-5.5	-5.5	-10.3	-11.1	-4.0
Bahan kimia dan keluaran kimia	-1.8	-0.6	7.3	1.3	0.6
Keluaran petroleum[1]	18.1	12.8	5.0	11.3	1.9
Tekstil, pakaian dan kasut	-0.8	1.5	-10.4	-11.2	-5.8
Kayu dan keluaran kayu[2]	4.2	9.7	1.6	4.1	0.5
Keluaran getah	13.5	15.2	16.9	2.7	3.7
Pemprosesan luar estet	9.7	9.6	-1.3	-12.7	-0.3
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**12.2**	**9.9**	**4.8**	**8.6**	**4.6**
Antaranya:					
Keluaran galian bukan logam	8.1	9.2	-2.0	10.9	-0.2
Besi & keluli dan logam bukan ferum	7.9	20.5	12.9	17.6	13.9
Makanan	14.4	9.7	16.2	7.6	0.6
Kelengkapan pengangkutan	-2.6	-14.0	-21.9	-12.8	0.1
Keluaran logam yang direka	36.1	30.1	21.9	22.0	14.2
Jumlah Eksport Perkilangan	**14.2**	**5.7**	**1.4**	**-1.1**	**-2.1**
Antaranya:					
Keluaran elektronik dan elektrik	10.3	1.7	-2.0	-6.7	-5.7
Bahan kimia dan keluaran kimia	22.0	17.6	33.8	13.5	3.1
Keluaran petroleum	32.0	2.5	-24.5	5.8	-5.9
Keluaran kayu	34.3	26.8	15.3	8.2	-17.8
Barangan perabot	10.5	7.6	7.9	14.3	1.0
Keluaran getah	48.5	30.8	31.0	6.0	1.0

[1] Dalam Indeks Pengeluaran Perindustrian (2000=100) yang baru, LNG telah diklasifikasikan semula sebagai keluaran petroleum (sebelum ini diklasifikasikan sebagai bahan kimia dan keluaran kimia). Dengan itu, keluaran petroleum diklasifikasikan semula sebagai industri berorientasikan eksport
[2] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sumbangan positif daripada sektor komoditi

Dalam **sektor komoditi utama**, sektor pertanian dan sektor perlombongan mencatat pertumbuhan positif pada suku ketiga. Sektor pertanian berkembang 0.6% (S2: -0.9%) berikutan peningkatan beransur-ansur dalam pengeluaran minyak sawit mentah dan prestasi menggalakkan dalam aktiviti subsektor pertanian kecil. Pertumbuhan sektor perlombongan sebanyak 2.3% pula didorong oleh peningkatan keluaran minyak mentah.

Dalam **sektor pertanian**, pengeluaran **minyak sawit mentah** merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.1% (S2: -13.3%) kepada 4.52 juta tan pada suku ketiga 2007. Peningkatan ini disebabkan hasil yang lebih tinggi di Sabah, negeri pengeluar terbesar, dengan hasil tandan buah segar meningkat 2.5% dan kadar perahan minyak naik 5.9% kepada 21.39% (purata kebangsaan: 20.2%). Pada masa yang sama, aktiviti pertanian kecil seperti **sayur-sayuran, ternakan** dan **koko** menunjukkan prestasi yang lebih baik. Keluaran **getah** pula merosot pada suku tersebut kerana aktiviti menoreh di negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia terjejas akibat hujan.

Pertumbuhan dalam **sektor perlombongan** didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah sebanyak 4.9% kepada 695,555 tong sehari. Yang penting, pengeluaran minyak mentah di Sabah meningkat 15.1% berikutan bermulanya pengeluaran telaga minyak laut dalam Malaysia yang pertama di Kikeh pada pertengahan bulan Ogos 2007. Sementara itu, pengeluaran **gas asli** merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.8% berikutan permintaan yang berkurang dari Korea, pengimport kedua terbesar LNG Malaysia.

Prestasi Sektor Pertanian

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**5.8**	**5.1**	**2.2**	**-0.9**	**0.6**
Tanaman Industri	-1.8	4.2	-0.1	-5.0	-1.8
Tanaman Makanan	4.4	6.4	5.5	5.8	4.4
Pengeluaran[1]					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	10.6	10.7	-1.4	-13.3	-0.1
Minyak isirong sawit mentah	11.5	14.7	3.3	-13.9	-6.7
Getah	9.4	11.2	-6.9	1.4	-10.3
Biji koko	17.8	-19.9	9.4	-10.5	21.8
Ikan	7.2	10.0	5.2	2.0	4.0
Eksport (RM juta)	**19.7**	**22.1**	**7.7**	**17.9**	**28.2**
Antaranya:					
Minyak sawit					
('000 tan)	11.4	20.9	-11.8	-6.7	-6.0
(RM/tan)	11.0	14.7	34.0	49.4	63.1
(RM juta)	23.7	38.6	18.2	39.5	53.4
Minyak isirong sawit					
('000 tan)	36.2	15.4	40.9	14.3	7.5
(RM/tan)	-15.8	-9.9	-3.9	22.3	63.4
(RM juta)	14.7	3.9	35.4	39.8	75.6
Getah					
('000 tan)	-4.1	1.4	-12.3	-19.6	-1.8
(Sen/kilogram)	59.5	11.1	-0.7	2.0	-12.4
(RM juta)	53.0	12.7	-12.9	-18.0	-14.0
Kayu siap digergaji					
('000 meter padu)	-8.0	5.2	-2.1	-6.0	-11.4
(RM/meter padu)	17.9	4.1	9.7	4.5	-1.0
(RM juta)	8.4	9.5	7.4	-1.8	-12.3
Kayu balak					
('000 meter padu)	-21.7	-3.2	-8.3	-2.5	12.3
(RM/meter padu)	7.7	7.2	-2.5	-0.9	-4.3
(RM juta)	-15.6	3.8	-10.5	-3.4	7.4
Biji koko					
('000 tan)	321.3	-8.2	-13.5	42.1	15.7
(RM/tan)	4.4	10.1	4.8	10.5	29.7
(RM juta)	339.9	1.1	-9.3	57.0	50.0

[1] Dalam '000 tan

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Lembaga Koko Malaysia (MCB)
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga tahun 2000)	**0.1**	**2.1**	**-0.6**	**7.7**	**2.3**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	-7.5	-6.5	-1.9	-7.6	4.4
Gas asli (bersih) (juta kaki padu standard)	3.5	4.4	1.1	8.0	-0.8
Eksport (RM juta)	**3.2**	**0.5**	**-5.3**	**7.5**	**7.7**
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat					
('000 tan)	-11.1	-8.1	3.2	-3.1	1.7
(USD/tong)	16.7	4.2	-5.6	3.1	3.5
(RM juta)	1.0	-8.0	-8.6	-6.1	-0.7
Gas asli cecair					
('000 tan)	1.8	1.8	4.5	21.0	1.6
(RM/tan)	13.0	8.7	-0.2	6.4	10.0
(RM juta)	15.0	10.7	4.3	28.8	11.8

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembinaan mengekalkan momentum pertumbuhan yang tinggi

Sektor pembinaan meneruskan momentum pertumbuhannya dan berkembang sebanyak 4.7% pada suku ketiga 2007 (S2: 4.8%). Pengembangan ini disokong terutamanya oleh pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur dalam subsektor **kejuruteraan awam** di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Pertumbuhan juga disokong oleh segmen **harta bukan kediaman** dengan pembinaan bangunan pejabat dan ruang runcit baharu, khususnya di Lembah Kelang. Sementara itu, segmen **harta kediaman** disokong terutamanya oleh permintaan terhadap rumah kediaman dalam segmen mewah.

Penunjuk Pembinaan

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan iklan baru	-21.7	-2.7	7.7	-6.3	10.6
Kelulusan perumahan	-12.6	-20.0	-9.6	-24.8	-4.7
Pengeluaran bahan berkaitan pembinaan	8.0	12.8	2.8	13.1	4.4
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	7.3	73.2	91.3	103.8	38.8
Import bahan pembinaan dan bahan galian	38.3	-8.2	12.6	8.4	-6.0[1]

[1] Julai-Ogos 2007

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus kukuh

Permintaan dalam negeri terus kukuh dan berkembang pada kadar tahunan sebanyak 12.6% pada suku ketiga (S2: 10.8%), didorong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta. Sementara itu, sektor awam terus memberikan sokongan kepada pertumbuhan dengan Kerajaan Persekutuan menambah perbelanjaan pembangunannya.

Perbelanjaan **penggunaan swasta** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 14% berikutan kenaikan pendapatan boleh guna hasil sokongan keadaan pasaran pekerja yang stabil dan harga komoditi yang teguh. Karnival Jualan Mega tahunan di seluruh negara mulai pertengahan bulan Jun hingga awal bulan September turut menggalakkan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi. Penunjuk penggunaan utama seperti jualan kereta penumpang, perbelanjaan pengguna menggunakan kad kredit dan pinjaman yang dikeluarkan untuk tujuan penggunaan, terus berada pada trend pertumbuhan positif, mencerminkan aktiviti penggunaan swasta yang terus berkembang. Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) yang meningkat kepada 117.5 mata pada suku ketiga 2007 (S2:115.9 mata) menyarankan bahawa isi rumah adalah optimistik tentang prospek pendapatan dan pekerjaan.

Sementara itu, **penggunaan awam** meningkat 5.3% pada suku ketiga (S2: 10.2%) disebabkan perbelanjaan yang lebih tinggi terhadap emolumen, pertahanan dan bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat dengan kukuh sebanyak 13.5% pada suku ketiga (S2: 6.6%) menandakan aktiviti pelaburan yang giat oleh sektor

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	6.4	7.1	8.7	10.8	12.6
Penggunaan	7.6	6.2	8.3	12.6	12.2
Sektor swasta	*7.0*	*7.0*	*8.6*	*13.1*	*14.0*
Sektor awam	*9.9*	*4.1*	*7.1*	*10.2*	*5.3*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	3.5	9.8	9.9	6.6	13.5
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	11.9	5.2	1.9	3.0	1.2
Import Barangan dan Perkhidmatan	8.7	5.0	3.5	1.4	1.2
KDNK	**6.0**	**5.7**	**5.5**	**5.8**	**6.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sentimen Pengguna Meningkat, Sementara Keyakinan Perniagaan Kekal Mapan



swasta dan sektor awam. Indeks Keadaan Perniagaan (Business Conditions Index, BCI) yang dikumpul oleh MIER kekal di atas paras 100 mata sejak awal tahun 2005. Bacaan BCI yang menggalakkan ini mencerminkan keyakinan sektor korporat yang berterusan memandangkan aktiviti perniagaan terus mengembang dengan pelaksanaan lebih banyak projek Rancangan Malaysia Kesembilan. Perbelanjaan modal terutamanya adalah untuk jentera dan kelengkapan. Penunjuk pelaburan swasta, iaitu pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan kepada sektor perkilangan dan pembinaan, menunjukkan trend yang meningkat, lantaran menyarankan momentum perbelanjaan modal sektor swasta yang semakin kukuh.

Aktiviti pelaburan oleh sektor awam pada suku ketiga terus disokong oleh Kerajaan Persekutuan seperti dilihat melalui pengeluaran yang lebih tinggi untuk perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan modal yang besar telah disalurkan kepada aktiviti ekonomi yang memberikan kesan pengganda yang tinggi dalam bentuk projek-projek untuk menaik taraf infrastruktur dan pembinaan infrastruktur bagi menambah baik sistem pengangkutan, aktiviti berkaitan pembinaan serta meningkatkan peruntukan bagi perkhidmatan pendidikan dan menambah baik kemudahan awam.

Inflasi berpurata pada 1.8%

Inflasi IHP purata meningkat kepada 1.8% pada suku ketiga (S2: 1.5%). Peningkatan harga pengguna pada suku itu telah didorong oleh kenaikan harga dalam kategori makanan dan minuman bukan beralkohol, dan sebahagian kecilnya, dalam kategori minuman beralkohol dan tembakau dan restoran dan hotel. Inflasi harga makanan dalam negeri lebih tinggi pada 2.7% pada suku ketiga (S2: 2.6%), mencerminkan kenaikan harga sayur-sayuran dan daging dan makanan di luar rumah. Sementara itu, sektor minuman beralkohol dan tembakau menyumbang kepada inflasi IHP yang lebih tinggi disebabkan peningkatan dalam cukai eksais ke atas rokok oleh Kerajaan. Harga dalam sektor restoran dan hotel juga meningkat kerana kenaikan harga hidangan ringan. Sementara itu,

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia. Bermula 2006, tahun asas bagi IHP adalah 2005 = 100

jumlah ketibaan pelancong yang tinggi sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, menghasilkan kadar penghunian hotel yang lebih tinggi dan menyumbang kepada peningkatan caj bilik hotel.

Inflasi harga pengeluar meningkat pada suku ketiga kepada 3.5% (S2:2.7%) disebabkan kenaikan harga komponen berkaitan komoditi pada kadar purata 10.2% (S2: 7.2%), sejajar dengan harga komoditi global yang lebih tinggi. Inflasi harga bagi sektor bukan berkaitan komoditi pula secara amnya tidak berubah pada 1.1% pada suku ketiga.

Keadaan Pasaran Pekerja



Keadaan pasaran pekerja terus menggalakkan

Pasaran pekerja terus berdaya tahan pada suku ketiga 2007. Jumlah kekosongan jawatan baharu masih tinggi manakala pemberhentian pekerja terus berkurang. Selain itu, indeks Guna Tenaga MIER meningkat 1.9 mata kepada 119.8, menandakan keadaan guna tenaga yang bertambah baik berbanding dengan suku sebelumnya.

Jumlah kekosongan jawatan baharu pada suku ketiga seperti yang dilaporkan oleh Bursa Buruh Elektronik (Electronic Labour Exchange, ELX) meningkat kepada 226,036 jawatan (S2: 186,779 jawatan). Jumlah kekosongan dilaporkan terutamanya dalam sektor perkilangan (bahagian sebanyak 33%), pertanian (32%) dan perkhidmatan (24%). Kebanyakan daripada jawatan yang ditawarkan adalah bagi pekerjaan asas[1] (56%). Sementara itu, peluang pekerjaan buat siswazah meningkat lagi kepada 16,454 jawatan (S2: 13,840 jawatan). Jawatan-jawatan ini terutamanya adalah dalam sektor perkhidmatan (bahagian sebanyak 78%), khususnya segmen kewangan, perkhidmatan pendidikan dan juga segmen perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan peribadi yang lain. Selain itu, jumlah penempatan pekerjaan meningkat pada suku ketiga.

Pemberhentian pekerja pada suku ketiga pula lebih rendah (1,308 orang: S2: 4,202 orang). Kira-kira 50% daripada pekerja yang diberhentikan adalah daripada sektor perkilangan, khususnya pekerja daripada industri E&E, dan makanan, minuman dan tembakau (kesemuanya mencakupi 24% daripada jumlah pemberhentian pekerja), diikuti sektor perkhidmatan (44%). Dalam sektor perkhidmatan, pekerja yang terbabit adalah terutamanya daripada industri perdagangan edaran, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan (29% daripada jumlah pemberhentian pekerja). Permintaan yang berkurang, kos pengeluaran yang tinggi, produk yang tidak dapat dipasarkan dan penggabungan dalam sektor korporat merupakan antara alasan utama pemberhentian pekerja yang dinyatakan oleh majikan.

Produktiviti pekerja dalam sektor perkilangan seperti yang ditunjukkan oleh nilai jualan benar bagi setiap pekerja merosot 3.5% (S2: -1.4%). Kemerosotan dalam produktiviti pekerja disebabkan prestasi jualan yang terus lembap (-0.9%; S2: 2.4%). Walaupun prestasi industri berorientasikan dalam negeri lebih baik (6.6%; S2: 4.8%), prestasi produktiviti keseluruhan sektor perkilangan terjejas akibat

[1] Pekerjaan asas merangkumi pembantu rumah, pengawal keselamatan, tukang cuci, buruh binaan, pemandu dan atendan.

penguncupan seterusnya dalam produktiviti industri berorientasikan eksport (-5.5%; S2: -2.9%). Sementara itu, upah benar bagi keseluruhan sektor ini meningkat 3.8%, menandakan terdapat sedikit tekanan upah dalam sektor ini.

Pengembangan sederhana dalam eksport dan import

Akaun perdagangan mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM28.2 bilion pada suku ketiga 2007 (S2: RM22.6 bilion), disokong oleh pengembangan yang memberangsangkan dalam eksport pertanian. Eksport berkembang 0.6% (S2: 1.3%) sementara pertumbuhan import berterusan pada 1.7%.

Eksport kasar meningkat sedikit, iaitu sebanyak 0.6% pada suku ketiga (S2: 1.3%) memandangkan pertumbuhan mantap dalam eksport pertanian dan galian telah diimbangi sebahagiannya oleh kemerosotan dalam eksport barangan perkilangan.

Imbangan Perdagangan



Akaun Perdagangan

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**13.9**	**6.6**	**1.0**	**1.3**	**0.6**
Perkilangan	*14.2*	*5.7*	*1.4*	*-1.1*	*-2.1*
Pertanian	*19.7*	*22.1*	*7.7*	*17.9*	*28.2*
Galian	*3.2*	*0.5*	*-5.3*	*7.5*	*7.7*
Import Kasar	**11.5**	**6.8**	**5.5**	**1.7**	**1.7**
Barangan modal	*-4.6*	*4.1*	*-5.3*	*-1.1*	*17.3*
Barangan pengantara	*12.0*	*7.1*	*9.0*	*6.5*	*-1.0*
Barangan penggunaan	*14.7*	*12.1*	*8.9*	*1.1*	*1.0*
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**29.4**	**30.2**	**21.1**	**22.6**	**28.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2006		2007			2006		2007			2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion					Bahagian drpd. jumlah eksport (%)					Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**30.1**	**27.8**	**23.7**	**22.8**	**24.5**	**19.2**	**18.3**	**17.2**	**15.8**	**15.5**	**4.2**	**1.0**	**-3.2**	**-18.7**	**-18.7**
Kesatuan Eropah (EU)[1]	**20.2**	**21.1**	**17.7**	**19.4**	**20.2**	**12.8**	**13.9**	**12.8**	**13.4**	**12.8**	**29.9**	**20.5**	**9.7**	**9.6**	**0.2**
Negara ASEAN terpilih[2]	**39.9**	**37.5**	**35.6**	**36.0**	**39.6**	**25.4**	**24.7**	**25.8**	**24.8**	**25.0**	**14.5**	**2.2**	**-4.8**	**-4.8**	**-0.7**
Negara Timur Laut Asia	**29.5**	**28.2**	**27.8**	**28.1**	**30.8**	**18.8**	**18.5**	**20.1**	**19.4**	**19.5**	**20.1**	**4.4**	**10.2**	**7.4**	**4.2**
Republik Rakyat China	*12.7*	*11.7*	*11.2*	*11.7*	*14.4*	*8.1*	*7.7*	*8.1*	*8.1*	*9.1*	*48.9*	*11.9*	*34.6*	*18.0*	*13.6*
Hong Kong SAR	*7.5*	*6.8*	*6.3*	*6.6*	*7.3*	*4.8*	*4.5*	*4.6*	*4.5*	*4.6*	*-10.8*	*-12.6*	*-15.6*	*-10.2*	*-2.4*
Korea	*4.8*	*5.5*	*6.5*	*5.6*	*4.8*	*3.1*	*3.6*	*4.7*	*3.9*	*3.1*	*28.1*	*17.4*	*5.9*	*14.3*	*0.9*
India	**5.3**	**5.4**	**4.2**	**4.7**	**5.7**	**3.4**	**3.6**	**3.1**	**3.2**	**3.6**	**36.2**	**30.1**	**7.1**	**13.9**	**7.5**
Jumlah eksport	**157.1**	**152.0**	**138.1**	**145.0**	**158.1**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**13.9**	**6.6**	**1.0**	**1.3**	**0.6**

[1] Merujuk kepada Kesatuan Eropah (EU) 27 bermula dari tahun 2007
[2] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



Malaysia: Import Mengikut Penggunaan Akhir Dan Klasifikasi Kategori Ekonomi Umum (BEC)

	2006		2007		
	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan tahunan (%)				
BARANGAN MODAL	**-4.6**	**4.1**	**-5.3**	**-1.1**	**17.3**
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	0.8	4.6	-4.9	6.1	10.2
Alat kelengkapan pengangkutan	-39.9	-0.1	-7.7	-38.7	94.7
BARANGAN PENGANTARA	**12.0**	**7.1**	**9.0**	**6.5**	**-1.0**
Makanan dan minuman terutamanya untuk industri	24.8	18.2	4.0	11.3	36.8
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	22.8	19.2	24.1	22.1	7.7
Bahan api dan pelincir	45.6	-0.5	8.8	-4.7	-19.8
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	1.6	3.3	2.8	-1.1	-5.9
Alat ganti dan aksesori alat kelengkapan pengangkutan	-10.2	-22.5	-18.3	9.4	21.6
BARANGAN PENGGUNAAN	**14.7**	**12.1**	**8.9**	**1.1**	**1.0**
Makanan dan minuman terutamanya untuk penggunaan isi rumah	4.5	5.7	15.0	2.7	2.1
Alat kelengkapan pengangkutan bukan perindustrian	-35.0	45.7	-12.1	3.0	54.2
Barangan pengguna, t.s.t.l.	22.4	15.1	5.8	0.2	-0.3
Barangan tahan lama	*4.4*	*13.7*	*0.3*	*33.6*	*24.0*
Barangan separa tahan lama	*44.4*	*24.5*	*7.1*	*-21.2*	*-17.1*
Barangan tidak tahan lama	*15.8*	*9.3*	*8.0*	*3.7*	*3.6*
BARANGAN DUA GUNA	**14.8**	**-5.7**	**-8.1**	**-6.2**	**4.1**
LAIN-LAIN	**-25.1**	**-3.4**	**15.7**	**16.5**	**73.7**
IMPORT TERTANGGUH	**9.0**	**6.4**	**6.4**	**4.8**	**2.6**
EKSPORT SEMULA	**63.3**	**12.5**	**-6.9**	**-36.7**	**-11.9**
IMPORT KASAR	**11.5**	**6.8**	**5.5**	**1.7**	**1.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport perkilangan merosot 2.1% (S2: -1.1%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan eksport E&E dan industri berasaskan sumber tertentu seperti keluaran kayu dan keluaran petroleum. Meskipun permintaan terhadap E&E bertambah baik, kejatuhan harga yang berterusan menjejaskan nilai eksport keluaran E&E pada suku ketiga. Bagi eksport keluaran berasaskan sumber, eksport keluaran kayu merosot berikutan permintaan dari Jepun yang lebih rendah.

Eksport pertanian terus meningkat pada suku ketiga dengan pertumbuhan sebanyak 28.2% (S2:17.9%), didorong terutamanya oleh perolehan yang kukuh daripada eksport minyak sawit. Perolehan eksport minyak sawit meningkat 53.4% pada suku ketiga disebabkan keseluruhannya oleh paras harga tertinggi pada RM2,599 setan, yakni peningkatan sebanyak 63.1% atau kenaikan kira-kira RM1,000 setan berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2006 (RM1,594 setan). Prestasi harga yang kukuh adalah hasil daripada kenaikan permintaan global terhadap minyak sawit dalam keadaan pengeluaran yang lebih rendah di dua negara pengeluar utama minyak sawit, iaitu Malaysia dan Indonesia, selain bekalan minyak kacang soya di AS dan minyak biji sesawi di Eropah yang lebih rendah. Sebaliknya, eksport getah merosot 14% terutamanya disebabkan kejatuhan harga berikutan pengurangan permintaan global.

Eksport galian terus berkembang 7.7% pada suku ketiga disebabkan peningkatan eksport gas asli cecair sebanyak 11.8%, yang disokong oleh kenaikan harga sebanyak 10% untuk mencatat paras tertinggi pada RM1,226 setan. Sementara itu, eksport minyak mentah merosot sedikit, iaitu sebanyak 0.7%.

Aktiviti ekonomi yang kukuh di RR China dan Vietnam mendorong permintaan yang tinggi terhadap keluaran Malaysia. Eksport ke RR China dan Vietnam meningkat masing-masing sebanyak 13.6% dan 77.6%. Pertumbuhan eksport disokong oleh permintaan terhadap keluaran E&E, kelengkapan optik dan saintifik, keluaran besi dan keluli serta komoditi utama, khususnya keluaran petroleum bertapis dan minyak sawit.

Eksport ke negara Kesatuan Eropah meningkat 0.2%, diterajui oleh Jerman (12.8%) dan Belanda (4.5%). Pertumbuhan eksport disokong oleh eksport minyak sawit, kelengkapan optik dan saintifik, dan kimia dan keluaran kimia. Eksport ke India naik 7.5%, disokong oleh eksport keluaran E&E, kimia dan keluaran kimia dan minyak sawit. Eksport ke Asia Barat terus berkembang sebanyak 30.1%, didorong oleh eksport E&E, kelengkapan optik dan saintifik, dan minyak sawit.

Malaysia terus memperoleh komponen import dari RR China, Thailand dan Indonesia. Import dari negara serantau meningkat 3% dan ini terutamanya terdiri daripada keluaran E&E dan kimia dan keluaran kimia.

Pertumbuhan **import kasar** berterusan pada 1.7%, mencerminkan peningkatan dalam perbelanjaan pelaburan dan pengguna. Yang penting, import **barangan modal** berkembang 17.3%. Import barangan modal, tidak termasuk barangan import besar, meningkat 7.2%. Pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan dan penaikan taraf untuk kecekapan penggunaan bahan api telah mendorong pertumbuhan yang kukuh dalam import jentera dan import penjana, turbin dan motor elektrik. Aktiviti cari gali yang lebih giat dalam industri minyak dan gas mendorong kepada import kelengkapan pembinaan dan perlombongan yang lebih tinggi.

Import **barangan pengantara** pula merosot sejajar dengan kelembapan dalam eksport E&E. Import barangan pengantara yang lebih rendah mencerminkan pengurangan dalam import elektronik dan komponen keluaran telekomunikasi. Walau bagaimanapun, import barangan utama bagi industri makanan dan minuman terus meningkat sejajar dengan perbelanjaan pengguna yang kukuh. Sementara itu, import bahagian dan aksesori kelengkapan pengangkutan berkembang disebabkan permintaan dalam negeri terhadap kenderaan bermotor yang lebih tinggi.

Import **barangan penggunaan** pula meningkat 1% kepada RM7.4 bilion. Sejajar dengan permintaan yang lebih tinggi berikutan musim perayaan, import makanan dan minuman untuk sektor isi rumah adalah lebih tinggi. Import barangan penggunaan lain yang meningkat termasuk kelengkapan pengangkutan dan barangan tahan lama seperti perabot.

Aliran masuk FDI berterusan

Pada asas tunai, aliran masuk **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI) kasar meningkat kepada RM25.9 bilion pada suku ketiga (S2: RM22.3 bilion) mencerminkan pengeluaran pinjaman antara syarikat yang lebih tinggi dalam keadaan aliran masuk modal ekuiti yang berterusan. FDI dalam bentuk modal ekuiti disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. FDI dalam sektor perkhidmatan mencerminkan terutamanya pengambilalihan kepentingan dan peningkatan penyertaan asing dalam subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta pengembangan berterusan dalam subsektor restoran, hotel, perdagangan borong dan runcit. Dalam sektor perkilangan, FDI adalah terutamanya untuk pengambilalihan dalam industri berkaitan kimia dan juga pelaburan dalam industri hiliran berkaitan petroleum serta industri elektrik dan elektronik. Sementara itu, aliran masuk pinjaman antara syarikat sebahagian besarnya mencerminkan pemberian pinjaman jangka pendek oleh

syarikat multinasional asing dalam sektor minyak dan gas kepada subsidiari mereka di Malaysia berikutan operasi perbendaharaan berpusat. Sejumlah besar daripada pinjaman ini telah dibayar balik pada suku yang sama. Selepas membuat pelarasan bagi aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek ini, FDI bersih berjumlah RM6.8 bilion (S2: RM13.6 bilion). Perlu diambil perhatian bahawa FDI pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan dan pelaburan dalam bentuk jentera dan kelengkapan yang diimport.

Aliran keluar kasar bagi **pelaburan luar negeri** berjumlah RM12.1 bilion (S2: -RM27.7 bilion), mencerminkan terutamanya pelaburan dalam bentuk modal ekuiti, sementara pemberian pinjaman jangka pendek kepada syarikat berkaitan di luar negeri menjadi sederhana. Pelaburan luar negeri pada suku ketiga dibuat terutamanya oleh syarikat-syarikat dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan minyak dan gas. Pelaburan luar negeri dalam sektor perkhidmatan diterajui oleh syarikat dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, dan subsektor restoran, hotel, perdagangan borong dan runcit. Sementara itu, pelaburan luar negeri dalam sektor perkilangan diterajui oleh syarikat dalam industri elektrik dan elektronik, keluaran logam serta industri berkaitan kayu. Selepas membuat pelarasan bagi aliran masuk kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman jangka pendek daripada syarikat berkaitan di luar negeri, pelaburan luar negeri mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM6.9 bilion (S2: -RM8.5 bilion).

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM22.3 bilion pada suku ketiga (S2: +RM14.3 bilion), disebabkan pencairan bersih ekuiti dan sekuriti hutang oleh pelabur asing. Aliran keluar bersih pada bulan Julai dan Ogos mencerminkan sentimen berhati-hati pelabur berikutan kebimbangan terhadap masalah gadai janji subprima di AS dan kesannya terhadap institusi kewangan. Walau bagaimanapun, terdapat aliran masuk semula pada bulan September dan Oktober.

Hutang luar negeri meningkat sedikit

Jumlah hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM189 bilion atau USD54.8 bilion pada akhir bulan September 2007 (S2: RM182 bilion atau USD52.2 bilion). bersamaan dengan 31.1% daripada KNK. **Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** lebih rendah pada RM132.8 bilion, mencerminkan pembayaran balik bersih hutang luar negeri oleh sektor awam. Pembayaran balik bersih yang lebih besar oleh Kerajaan Persekutuan (-RM3 bilion ;
S2: -RM0.1 bilion) disebabkan oleh matangnya Sukuk Global berdaulat bernilai USD600 juta pada 1 Julai 2007. Pembayaran balik bersih yang lebih besar sebanyak RM2.5 bilion (S2: -RM2.3 bilion) oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan mencerminkan terutamanya prapembayaran oleh syarikat dalam sektor perkilangan, minyak dan gas, dan pertanian untuk mengurangkan pendedahan hutang dan juga beberapa

Hutang Luar Negeri Terkumpul



[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2006	2007	
	S3	S2	S3[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	149.3	134.1	132.8
Sektor awam	83.7	70.0	64.8
Sektor swasta	65.6	64.1	68.1
Hutang jangka pendek[1]	50.8	47.9	56.2
Jumlah hutang luar negeri	200.1	182.0	189.0
- Bersamaan USD bilion	53.8	52.2	54.8

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pembayaran balik hutang berjadual. Sementara itu, sektor swasta mencatat pengeluaran bersih sebanyak RM4.3 bilion (S2: -RM1.1 bilion), mencerminkan pengeluaran yang lebih tinggi pinjaman luar negeri manakala pembayaran balik menurun. Pengeluaran pinjaman oleh sektor swasta dibuat terutamanya oleh syarikat dalam sektor perkilangan, pengangkutan dan kewangan bukan bank.

Jumlah **hutang luar negeri jangka pendek** meningkat kepada RM56.2 bilion atau USD16.3 bilion (S2: RM47.9 bilion), sebahagian besarnya disebabkan peminjaman yang lebih tinggi oleh sektor perbankan kerana operasi perbendaharaan. Pada akhir bulan September 2007, hutang luar negeri jangka pendek mencakupi 29.7% daripada jumlah hutang luar negeri dan ialah 16.8% daripada rizab antarabangsa bersih.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM335.4 bilion (bersamaan dengan USD98.2 bilion) pada 28 September 2007. Paras rizab pada 28 September 2007 itu telah mengambil kira penambahan nilai rizab disebabkan penilaian semula berikutan pengukuhan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku ketiga. Rizab meningkat kepada RM345.3 bilion (bersamaan dengan USD101.2 bilion) pada 15 November 2007. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.9 bulan import tertangguh dan ialah 7.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Defisit fiskal yang lebih besar

Jumlah perbelanjaan kasar Kerajaan Persekutuan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 17.5% (S2:15.7%), menyebabkan defisit fiskal keseluruhan sebanyak 6.9% daripada KDNK pada suku ketiga. Peningkatan emolumen, khususnya, yang disebabkan oleh kenaikan gaji dan bayaran pencen kakitangan awam di samping peruntukan lebih besar di bawah Elaun Kos Sara Hidup pada bulan Julai 2007, mengakibatkan perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi pada suku ketiga. Defisit terus dibiayai terutamanya melalui peminjaman dalam negeri. Pada akhir bulan September 2007, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan sebanyak RM271.5 bilion atau 43.4% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan
Sumber : Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2006		2007[a]		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	31.9	34.4	24.2	34.2	33.3
% pertumbuhan	*20.8*	*6.9*	*0.1*	*3.5*	*4.4*
Perbelanjaan mengurus	28.8	40.0	21.7	24.8	33.7
% pertumbuhan	*25.2*	*12.8*	*25.2*	*14.7*	*17.1*
Akaun semasa	**3.1**	**-5.6**	**2.5**	**9.4**	**-0.4**
% daripada KDNK	***2.1***	***-3.8***	***1.8***	***6.1***	***-0.3***
Perbelanjaan pembangunan kasar	9.1	19.4	5.3	6.2	10.8
% pertumbuhan	*108.1*	*11.0*	*148.4*	*19.6*	*19.0*
Imbangan keseluruhan	**-5.8**	**-24.6**	**-2.6**	**3.6**	**-11.1**
% daripada KDNK	***-3.9***	***-16.6***	***-1.8***	***2.3***	***-6.9***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	37.8	59.4	27.0	31.0	44.5
% pertumbuhan	*38.4*	*12.2*	*38.7*	*15.7*	*17.5*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	245.8	242.2	250.0	260.1	271.5
% daripada KDNK	*42.9*	*42.3*	*40.0*	*41.6*	*43.4*
Hutang dalam negeri	216.9	217.2	225.9	236.3	250.6
% daripada KDNK	*37.9*	*37.9*	*36.1*	*37.8*	*40.1*
Hutang luar negeri	28.9	25.0	24.1	23.8	20.9
% daripada KDNK	*5.0*	*4.4*	*3.9*	*3.8*	*3.3*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan